

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)65

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

65. Setakat April 2024, berapakah Rizab Simpanan Kerajaan Negeri dan apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk menambahkan simpanan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

65. Pada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Rizab Kerajaan Negeri sebenarnya merujuk kepada Kumpulan Wang Disatukan (KWD) yang merangkumi Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

Akaun Hasil Disatukan merujuk kepada jumlah terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan, selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Pinjaman Disatukan merujuk kepada jumlah pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan.

Akaun Amanah Disatukan pula merangkumi jumlah terimaan dan bayaran yang diperakaunkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit, mengikut kehendak undang-undang, akta-akta Amanah, suratcara Amanah, arahan Amanah dan perjanjian masing-masing yang berkuat kuasa.

Jumlah Kumpulan Wang Disatukan atau rizab terkumpul Kerajaan Negeri setakat 30 April 2024 adalah RM1,466.02 juta. Jumlah ini terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan yang berjumlah RM354.03 juta dan Akaun Amanah Disatukan yang berjumlah RM1,111.99 juta.

Antara langkah bagi meningkatkan jumlah Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri atau rizab terkumpul Kerajaan Negeri adalah dengan meningkatkan jumlah terimaan hasil negeri dan mengurangkan jumlah tunggakan hasil negeri serta melaksanakan kawalan perbelanjaan dengan menekankan aspek perbelanjaan secara berhemah.

Usaha bagi menambah kutipan hasil ini dilaksanakan melalui beberapa kaedah seperti penubuhan pasukan petugas khas (*taskforce*) di setiap daerah yang memainkan pelbagai peranan dalam meningkatkan kutipan hasil cukai tanah dan cukai petak,

melakukan semakan cukai tanah di bawah Seksyen 101 Kanun Tanah Negara (Akta 828) dan melancarkan Portal PgLand yang bermatlamat memudahkan orang awam untuk melakukan urusan berkaitan cukai tanah dan cukai petak secara atas talian.

Selain itu, antara usaha lain bagi mengurangkan jumlah tunggakan hasil adalah melalui penguatkuasaan undang-undang di peringkat daerah yang mana pasukan petugas khas akan melaksanakan perampasan tanah hakmilik apabila pembayar cukai gagal membayar tunggakan cukai, di bawah Seksyen 100 Akta 828.

Adalah diharapkan melalui tindakan penguatkuasaan undang-undang yang diambil, pembayar cukai akan lebih patuh kepada pembayaran cukai tahun semasa dan menjelaskan tunggakan cukai yang ada. Selain itu, terdapat juga cadangan pemberian rebat kepada pembayar cukai bagi menggalakkan mereka menjelaskan bayaran tunggakan, sebagaimana dibenarkan di bawah Seksyen 14(1)(j) Akta 828.

Dari aspek pelaburan kewangan pula, Jabatan Kewangan Negeri sentiasa berusaha menambah hasil negeri melalui keuntungan yang

diperoleh dari pelaburan simpanan tetap yang dibuat di institusi kewangan tempatan.